

PEMIKIRAN DAN AMALAN MASYARAKAT
DALAM *TANGON-TANGON* ETNIK
KIMARAGANG

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

JAMAIL BIN MASADOR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

PEMIKIRAN DAN AMALAN MASYARAKAT DALAM *TANGON-TANGON*
ETNIK KIMARAGANG

JAMAIL BIN MASADOR

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Pendidikan
Sarjana Pendidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **13 OGOS 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **JAMAIL BIN MASADOR (P20182002338) INSTITUT PERADABAN MELAYU** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **PEMIKIRAN DAN AMALAN MASYARAKAT DALAM TANGON-TANGON ETNIK KIMARAGANG** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMIKIRAN DAN AMALAN MASYARAKAT DALAM TANGON-TANGON ETNIK KIMARAGANG** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**.

21/8/2024

Tarikh

PROFESOR DR. ABDUL HALIM ALI
JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI PERAKUAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PERAK, MALAYSIA

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMIKIRAN DAN AMALAN MASYARAKAT DALAM TANGON-TANGON
ETNIK KIMARAGANG

No. Matrik / Matric's No.: P20182002338

Saya / I: JAMAIL BIN MASADOR (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**


PROFESOR DR. ABDUL HALIM ALI
JABATAN BAHASA DAN KEBANGSAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PERAK, MALAYSIA


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 18 APRIL 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali seadanya dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt dan Salam sejahtera,
Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadratNya kerana saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk '*Pemikiran dan amalan masyarakat dalam Tangon-tangon etnik Kimaragang*'. Sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Halim Ali dan Prof.Dr Azhar Wahid selaku penyelia utama dan kedua yang banyak membimbing dan sedia berkongsi pendapat dan pengalaman sehingga saya berjaya menyelesaikan kajian ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.Selanjutnya penghargaan tidak terhingga kepada Prof Madya Dr. Asmiaty Amat, Prof.Madya Dr. Norjeitta Julita Taisin dan Prof Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi sebagai penilai luar dan dalam. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada staf di Institut Peradaban Melayu (IPM) serta Institut Pengajian Siswazah UPSI yang turut membantu sepanjang tempoh pengajian dan penghasilan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga dan berasa bangga kerana mendapat dorongan daripada ahli keluarga yang sentiasa memberi inspirasi dan pembakar semangat sepanjang menjalani proses pengajian Doktor Falsafah ini sehingga selesai dengan jayanya. Mereka ialah isteri saya Rosdiah @ Norhadizah Saini dan anak-anak: Tyrarah, Aliah dan M.F.Najwan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran dan amalan masyarakat Kimaragang dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) terpilih berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu janaan Hashim Awang ke atas hubungan pemikiran dan alam, hubungan manusia dan kepercayaan dan perkaitan alam dengan penciptaan alat-alat sokongan hidup sehari-harian masyarakat Kimaragang. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah temubual, kaedah analisis kepustakaan, analisis kandungan teks dan analisis deskriptif. Analisis pemikiran dalam cerita rakyat ini disandarkan kepada tiga pendekatan dalam pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan guna, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati aspek pemikiran hubungan manusia dengan alam mencakupi keakraban dengan alam iaitu manusia memperoleh sumber alam seperti rotan, madu, damar, akar, kayu-kayan dan sayur-sayuran sebagai sumber rezeki. Alam juga memberi pengalaman dalam membentuk keperibadian supaya bersifat berani, berbalas kasihan dan kasih sayang. Dari dimensi lain, alam memberi manfaat kepada manusia sebagai wadah kehidupan yang mempunyai sebab, hikmah dan fungsi misalnya sungai sebagai sumber mendapatkan makanan. Manakala hubungan manusia dan kepercayaan berkaitan dengan kepercayaan adanya kuasa ghaib iaitu alam kayangan dan alam *namatai* (alam roh). Penyucian diri pula berkaitan dengan ritual *puraa* (kenduri) dan ritual *mogondi*. Justeru, memanipulasi alam dan kepercayaan haruslah berdasarkan nilai-nilai moral dan akal budi. Nilai-nilai tersebut merangkumi hormat- menghormati, kejujuran, keikhlasan, keberanian, kerajinan dan nilai muafakat. Sementara itu, objek-objek alam mempunyai perkaitan langsung dengan kewujudan sesebuah keluarga yang merupakan tempat bermulanya pembentukan sikap dan tingkahlaku seorang individu yang mementingkan aspek kemoralan yang merangkumi sifat luhur seperti baik hati, bekerjasama, keberanian, bertoleransi dan bekerjasama. Melalui sikap dan tingkah laku positif ini mereka berusaha menjalani kehidupan dengan mencipta alat-alat sokongan hidup berdasarkan sumber-sumber dari persekitaran mereka. Kesimpulannya, pemikiran dalam *tangon-tangon* memperkasa cara berfikir dan memperkukuh kepercayaan serta menyebarluaskan sikap berbalas kasihan, bekerjasama, bertimbang rasa, saling memahami dan saling memaafkan. Hal ini jika diperkukuhkan akan mewujudkan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan masyarakat sejagat. Implikasinya, *tangon-tangon* memberi kesan empirikal dari segi fungsi dan sumbangan dalam usaha mendidik masyarakat sesuai dengan norma-norma masyarakat yang diterima umum.

COMMUNITY THOUGHTS AND PRACTICES IN “TANGON-TANGON” KIMARAGANG ETHNIC

ABSTRACT

This study aims to analyze the thoughts and practices of the Kimaragang community in selected *tangon-tangon* (folktales) based on the Malay Methodology Theory by Hashim Awang on the relationship between thought and nature, the connection between humans and beliefs, the conjunction between nature, and the creation of daily life support tools for Kimaragang communities. This is a qualitative study that utilizes the methods of interviewing, literature analysis, text content analysis, and descriptive analysis. The analysis of thoughts in this folk tale is based on three approaches to natural methods: the applied approach, the moral approach, and the hunch approach. Based on the analysis carried out, it was found that aspects of thinking about the relationship between humans and nature include intimacy with nature, where humans obtain natural resources such as rattan, honey, resin, roots, wood, and vegetables as a source of sustenance. A person's personality can also be shaped by nature to become bold, kind, and loving. From a different perspective, nature serves us well by holding life that is wise, rational, and useful. For instance, rivers are a source of food. The belief in the existence of supernatural powers, specifically the heavenly realm and the spiritual sphere, is tied to human interactions and beliefs. Self-purification is associated with *puraa* (feasts) and *mogondi rituals*. Thus, manipulating nature and beliefs must be based on moral values and common sense. These values include decency, truthfulness, bravery, skill, and the need to reach a compromise. Natural items, on the other hand, are directly related to the existence of a family, which serves as the foundation for the development of a person's attitude and conduct when it comes to moral issues, which include admirable traits like cooperation, kindness, bravery, tolerance, and kindness. Through this positive attitude and behavior, they try to live life by creating life support tools based on resources from their environment. In conclusion, thinking in *tangon-tangon* empowers the way of thinking, strengthens trust, and spreads the attitude of compassion, cooperation, consideration, mutual understanding, and mutual forgiveness. This, if strengthened, will create the well-being, harmony, and security of the global community. The implication is that *tangon-tangon* has an empirical effect in terms of function and contribution to the effort to educate the community by the norms of society that are generally accepted.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.6.1 Kepentingan kepada individu dan penerbit	16
1.6.2 Kepentingan kepada masyarakat	17
1.6.3 Institusi	18
1.6.4 Negara	18



1.6.5	Menambah ilmu pengetahuan	19
1.6.6	Menambah bilangan kajian	19
1.6.7	Menggalak penerbitan buku etnik	19
1.6.8	Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (TPM)	20
1.7	Skop dan Batasan Kajian	20
1.8	Lokasi Kajian	22
1.9	Kerangka Teori Kajian	23
1.10	Definisi Istilah, Konsep dan Operasional	25
1.10.1	Pemikiran	25
1.10.2	Masyarakat	26
1.10.3	Amalan	27
1.10.4	“Tangon-tangon” (cerita rakyat)	28
1.11	Kesimpulan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Literatur Tentang “Tangon-Tangon” (Cerita Rakyat) Dalam Dan Luar Negara	32
2.2.1	Kajian Luar Negara	32
2.2.2	Kajian di Semenanjung Malaysia	39
2.2.3	Kajian di Sabah dan Sarawak	45
2.3	Literatur Tentang Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian	50
2.4	Kesimpulan	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Sampel kajian	59

3.4	Instrumen Kajian	59
3.5	Kaedah Pengutipan Data	62
3.5.1	Kajian Lapangan	62
3.5.2	Kaedah kepustakaan	65
3.6	Teori Kajian	65
3.6.1	Konsep Teori Pengkaedahan Melayu	66
3.6.1.1	Pendekatan Firasat	67
3.6.1.2	Pendekatan Gunaan	68
3.6.1.3	Pendekatan Moral	68
3.6.2	Pengkaedahan Keagamaan	69
3.6.3	Pengaplikasian Teori dalam kajian untuk mencapai objektif kajian	72
3.8	Kesimpulan	76

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	77
4.2	Aspek-aspek pemikiran	78
4.3	Hubungan Pemikiran Dan Kepercayaan Dengan Alam	80
4.3.1	Keakraban Dengan Alam	80
4.3.2	Pengalaman Dengan Alam	111
4.3.3	Memanfaatkan alam	175
4.3.3.1	Amalan Yang Menunjukkan Penerapan Moral	179
4.3.3.2	Penerapan Pendekatan gunaan	194
4.3.3.3	Amalan yang menerapkan pendekatan moral	215
4.3.3.4	Amalan Yang Menunjukkan Penerapan Pendekatan Gunaan Bersama Pendekatan Moral	230

4.4	Hubungan pemikiran dan kepercayaan	238
4.4.1	Kepercayaan	238
4.4.2	Mempercayai Adanya Kuasa Yang Mengatur Alam	245
4.4.2.1	Pendekatan Moral	245
4.4.2.2	Keyakinan Terhadap Roh Halus Dan Alam Kayangan	247
4.4.2.3	Penerapan moral melalui menyerah kepada takdir (penyucian diri)	266
4.4.3	Pemikiran Dan Kepercayaan Kepada Makhluk Ghaib Melalui Pendekatan Firasat	271
4.4.4	Kepercayaan-Kepercayaan Lain	278
4.5	Kepercayaan Kepada Perubatan Menyucian Diri	284
4.5.1	Penerapan Firasat Dalam Ritual Pegubatan Dan Mimpi	285
4.5.2	Penerapan gunaan dalam ritual “mogondi” sebagai penyucian diri	289
4.6	Perkaitan Alam Sekitar Dalam Penciptaan Peralatan Dan Keperluan Hidup	299
4.6.1	Pengenalan	299
4.6.2	Perkaitan Alam Sekitar Dan Kekeluargaan	300
4.6.3	Perkaitan Alam Sekitar dalam Pembentukan Adat	303
4.6.4	Perkaitan Alam Sekitar Dalam Kemandirian Hidup	305
4.6.5	Pengaruh Alam Sekitar Dalam Kebijaksanaan Mengatur Strategi	309
4.6.6	Perkaitan Alam Sekitar Dalam Kewujudan Adat-Istiadat Pengebumian	312
4.6.7	Perkaitan Alam Dalam Ciptaan Perangkap Haiwan	317
4.6.8	Perkaitan alam sekitar dalam kewujudan sebuah desa	321

4.6.9	Perkaitan Pengaruh Alam Melalui Ciptaan Alat-Alat Hiburan	323
4.6.10	Perkaitan Alam Dalam Menjaga Ikatan Kekeluargaan	332
4.6.11	Perkaitan Alam Sekitar Dengan Kaedah Matematik	335
4.6.12	Perkaitan Hubungan Manusia Dengan Manusia	338
4.6.13	Perkaitan alam sekitar dengan penciptaan ubat-ubatan	342
4.6.14	Kesan Menjaga Sumber Daya Air	343
4.5	Kesimpulan	349
4.5.1	Dapatan Kajian bagi Objektif 1	350
4.5.2	Dapatan Kajian bagi Objektif 2	351
4.5.3	Dapatan Kajian bagi Objektif 3	363

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	370
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	371
5.2.1	Hubungan Manusia Dengan Alam	371
5.2.2	Hubungan Pemikiran Dan Kepercayaan	371
5.2.3	Perkaitan Penciptaan Alat-Alatan,Medium Hiburan Dan Sistem Kecil Dengan Alam	372
5.3	Cadangan-cadangan untuk kajian akan datang	376
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	378
5.5	Kesimpulan	382

RUJUKAN	384
----------------	-----

LAMPIRAN	396
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai “Tangon Kimaragang”	59
4.1	Objek alam sebagai sumber rezeki	81
4.2	Objek alam sebagai sumber pengetahuan	88
4.3	Unsur-unsur semulajadi	90
4.4	Perasaan dan emosi	109
4.5	Pengalaman dengan alam	113
4.6	Pengalaman membentuk nilai keberanian	125
4.7	Pengalaman mempengaruhi aktiviti mengayau	141
4.8	Elemen pemikiran	148
4.9	Unsur-unsur alam semula jadi	176
4.10	Peristiwa dan pengalaman dengan alam	206
4.11	Penerapan moral	223
4.12	Jenis-jenis “puraa” (ritual) dan fungsinya	267
4.13	Pemikiran dan kepercayaan	275
4.14	Nilai kebijaksanaan mengatur strategi	310
4.15	Istilah persanakan suku Kimaragang	333



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka bentuk kajian	58
3.2	Pengkaedahan Alamiah	73
3.3	Kerangka Analisis Data	74
4.1	Aspek pemikiran dalam amalan etnik Kimaragang	79
4.2	Gambar “Panji adat Kimaragang	304
4.3	Gambar “struktur Kuburan seorang “bobolian	314
4.4	Binaan “timpaa” untuk mengintai binatang buruan	320
4.5	Golongan “bobolian” etnik Kimaragang pada tahun 1980-an.	322
4.6	Pakaian dalam Perayaan Suku Kimaragang pada tahun 1980-an.	339
4.7	Sebuah sosogoon (tadahan air) suku Kimaragang pada tahun 2020an	346





SENARAI SINGKATAN

BB	Budaya Benda
BBB	Budaya Bukan benda
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SAW	Sallallahu Alaihi Wassalam
SWT	Subhanahu Wa Taala
TK	Tangon Kimaragang
TPM	Teori Pengkaedahan Melayu



SENARAI LAMPIRAN

- A Skrip *tangon-tangon* (cerita rakyat) dan sinopsis
- B Senarai informan
- C Surat akuan pengesahan *tangon* (cerita rakyat)
- D Akuan pengesahan penterjemah Bahasa Kimaragang

BAB 1

PENDAHULUAN

Etnik Kimaragang termasuk dalam kalangan kumpulan etnik Kadazandusun (Topin,1996). Oleh hal yang demikian,etnik Kimaragang berkongsi persamaan dengan kumpulan etnik Kadazandusun yang lain dari segi bahasa, asal-usul, dan ciri budaya. Namun begitu, masyarakat Kimaragang percaya bahawa mereka mempunyai identiti, kepercayaan, amalan dan keunikan yang tersendiri. Keunikan tersebut termasuklah sastra rakyat yang dimiliki, pakaian tradisional, tarian, alat muzik,amalan masyarakat dan peralatan sokongan dalam kehidupan sehari-harian. Di sudut lain, Luping (1995:6) mencatatkan bahawa setiap suku dan subsuku kaum Kadazandusun menuturkan dialek yang sama walaupun terdapat sedikit perbezaan daripada segi gaya dan sebutannya.

Perkataan “Kimaragang” secara etimologi bahasa ditafsirkan sebagai “Ki” iaitu dalam bahasa Melayu sebagai “ada” atau “bersifat”; sementara “maragang” diertikan sebagai “merah”. Ini bermaksud “Kimaragang” ialah “bersifat merah” atau “kemerahmerahan” (Mabin, 70 tahun). Keadaan ini wujud disebabkan cara suku ini berpakaian pada suatu masa dahulu. Mereka yang tinggal di atas atau sekitar pokok ara, kelihatan kemerah-merahan daripada kejauhan. Semuanya bermula pada suatu waktu dulu apabila tetamu dari Tongod (nama satu tempat di daerah Telupid, Sabah) sewaktu menziarahi masyarakat ini, melihat kelompok suku yang beramai-ramai menyambut ketibaan mereka kelihatan kemerah-merahan (pakaian mereka) daripada kejauhan. Maka mereka dipanggil “Kimaragang” iaitu “orang merah (*reddish*)”. Dikatakan bahawa pada zaman dahulu suku ini membuat pakaian daripada kulit kayu dipanggil pokok “Paliu” dan Timbagan. Dalam hal ini Masliah Maun dan Uqbal Iqbal (2016)

menulis:

“The trick is to take the bark and beaten repeatedly using wooden sticks until soft and smooth. Then make the bark that is soft and smooth as clothes that cover the body from the chest to the knee for women and as “santut”

(Masliah Maun & Uqbal Iqbal (2016)

Bahasa yang digunakan oleh suku Kimaragang ialah “Boros Kimaragang”. Menurut Paul Kroege (2005:1), Kimaragang ialah bahasa Dusunik yang dituturkan oleh 10,000 orang yang tinggal di merata-rata negeri Sabah. Walau bagaimana pun, kebanyakan penutur Kimaragang tinggal di daerah Kota Marudu dan daerah Pitas. Majoriti masyarakat Kimaragang tinggal di beberapa buah kampung di mukim Tandek, Kota Marudu, Sabah.



Masyarakat Kimaragang juga berkongsi kepercayaan dengan etnik Kadazandusun iaitu kepercayaan kepada “Kinoringan” atau “kinorohingan”, malah mereka mempercayai bahawa tuhan mereka hanya satu (Minah Sintian, 2019). Unsur-unsur kepercayaan tersebut masih lagi wujud sehingga kini. Terdapat pula amalan dan upacara berkaitan kepercayaan etnik ini terhadap motif sesuatu benda atau lebih tepat lagi budaya bukan benda, menjadi pegangan sesetengah ahlinya. Malah segelintir masyarakat etnik ini meyakini kewujudan kuasa ghaib dan ia dianggap lebih berkuasa daripada manusia. Hal ini terjadi kerana berdasarkan konsep kepercayaan dan pandang alam mereka yang menganggap bahawa benda-benda ghaib tersebut dapat dihubungi, diseru dan dipujuk untuk menunaikan segala permohonan dan permintaan mereka. Hal tersebut dipermudahkan dengan kemahiran yang dimiliki oleh seorang “bobolian” yang sentiasa menjadi rujukan berkaitan adat-istiadat atau amalan masyarakat.



Etnik Kimaragang juga memiliki sastra lisan atau sastra rakyat tersendiri. Sastra lisan tersebut termasuklah cerita-cerita rakyat (*tangon*), “lalanu” (nyanyian), “boor” dan “sundait”. Antara sastra lisan tersebut, “tangon” merupakan genre yang amat popular dalam kalangan masyarakat etnik Kimaragang. Hal yang demikian kerana, “tangon” boleh diperdengarkan tanpa mengira tempat, lokasi dan sesiapa pun boleh menyampaikannya, berdasarkan pengetahuan dan kemahiran mereka bercerita yang melibatkan emosi dan gaya tersendiri, berbanding dengan “lalanu”, “boor” dan “sundait”. Untuk menyampaikan ketiga-tiga cabang sastra rakyat memerlukan kemahiran intelek juga bakat yang dimiliki oleh seseorang.



1.2 Latar Belakang Kajian

“Tangon-tangon” (cerita rakyat) merupakan salah satu cabang sastera lisan yang disampaikan oleh masyarakat Kimaragang bagi tujuan mengembangkan kebudayaan mereka. Menurut, Jacqueline (2012, ms.147) “Tangon” merujuk kepada cerita rakyat, dongeng dan cerita pari-pari hasil rekaan tradisi lisan untuk memberikan hiburan dan nasihat. Sementara itu, Mohd. Firdaus Che Yaacob (2016) telah mengemukakan pendapat bahawa cerita rakyat merupakan hasil karya sastera menarik dan begitu unik kerana mengandungi perutusan nilai murni yang dapat memacu akal fikiran masyarakat Melayu untuk mempraktikkan perlakuan-perlakuan yang baik dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam kajian artikel beliau yang bertajuk *“Cerita Rakyat sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu”*, yang diterbitkan pada tahun 2021, beliau mengungkapkan bahawa cerita rakyat merupakan salah satu karya unggul kerana mengandungi nilai-nilai ketamadunan yang tinggi.

Kenyataan di atas adalah bertepatan dengan pendapat Mohd Taib Osman (1976, 2007) yang menyatakan cara dan kaedah ini merupakan satu ekspresi budaya yang diteruskan oleh masyarakat, sama ada daripada segi masa ataupun daripada segi ruang ia dilafazkan dari mulut ke mulut dan tidak bertulis atau dicatat. Dalam hal ini, masyarakat terdahulu mendidik anak-anak dengan menggunakan “tangon” (cerita rakyat) untuk menyampaikan pengajaran khasnya berkaitan dengan tatacara kehidupan bermasyarakat. Selain daripada itu, cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat wujud merupakan milik bersama. Kenyataan ini turut disokong oleh Ismail Hamid (1987), yang menyatakan cerita rakyat



disampaikan melalui pertuturan daripada individu kepada individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya.

Sementara itu, Haron Daud (2013) menyatakan tradisi lisan mempunyai hubungan yang rapat dengan corak kehidupan, pemikiran dan kepercayaan masyarakat yang melahirkannya. Salah satu cabang tradisi lisan tersebut ialah cerita rakyat, iaitu disebut sebagai “tangon” dalam kalangan etnik Kimaragang. Dalam hal ini, Janatan & Low (2016) merumuskan fungsi “tangon”, antaranya, mampu menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi dan mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita yang diperdengarkan.

Kajian yang dilakukan oleh Arba'ie Sujud, Lily Salwani Bt Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011) berpendapat kesusasteraan lisan mahupun cerita rakyat, turut terkandung tentang fenomena sosial yang digarap dalam sesebuah cerita. Fenomena sosial secara umumnya dapat membawa maksud pemaparan, penelitian kenyataan dan juga tentang kejadian yang diperhatikan dan terjadi dalam persekitaran masyarakat tradisi yang mana disampaikan dalam bentuk cerita terutamanya dalam cerita-cerita rakyat yang terangkum dalam kesusasteraan lisan. Kenyataan di atas diperkukuhkan melalui kenyataan Aripin Said (1996) menyebutkan peranan sastera rakyat sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat sarat unsur nasihat, pengajaran, dan teladan sebagai panduan dalam pembentukan hidup masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Begitu juga halnya dengan aspek kepercayaan yang menjadi pegangan yang memaparkan pemikiran tersirat atau tersurat. Pemikiran yang terdapat dalam “tangon”



(cerita rakyat) tentunya mempunyai hubungan dengan corak kehidupan masyarakat tersebut.

Justeru, pemikiran, kepercayaan dan amalan masyarakat merupakan inti penting yang perlu diterokai dalam “tangon-tangon” etnik Kimaragang. “Tangon” (cerita rakyat) merupakan karya kreatif zaman dahulu kala yang pastinya menyajikan pelbagai pemikiran baharu yang penting untuk diketahui. Hal ini secara langsungnya memberi bayangan bahawa inti pemikiran yang mendasar tentunya jauh lebih tinggi makna dan perutusannya. Malah menurut Farra Humairah Binti Mohd (2018, ms.5) yang memetik pendapat Mana Sikana, menjelaskan pemikiran merupakan satu gagasan atau persoalan induk. Malah pemikiran dalam karya (sastera) ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat daripada peristiwa yang hendak dikemukakan oleh pengarang melalui ciptaan watak-watak ceritanya. Dengan kata lain, pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu suatu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran pengarang. Maka dalam konteks kajian ini apa yang disampaikan oleh penutur “tangon” (cerita rakyat) dianggap cuba menyampaikan mesej pemikiran kepada para pendengarnya. Selain daripada itu, analisis terhadap hubungan pemikiran dan kepercayaan penting untuk membina kesedaran dalam kalangan masyarakat Kimaragang itu sendiri, agar mengetepikan pelbagai sikap negatif.

Dilihat dari sudut sejarah, penelitian awal ahli antropologi seperti Evans (2007) , menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun telah pun mempunyai tradisi yang utuh dan mempunyai kesedaran identiti masyarakat berdasarkan *folklore* mereka. Tradisi lisan tersebut menjadi lambang kesatuan dan kebanggaan etnik Kadazandusun yang sewajarnya harus diwariskan ke generasi lainnya. Hal ini



dibuktikan melalui penelitian mereka terhadap masyarakat Kadazandusun di kawasan Tempasuk, Kota Belud sekitar tahun 1910-1911 dengan merakam dan menghuraikan, antaranya, soal kepercayaan kepada tuhan dan penciptaan, kematian dan pengkebumian. Hasil penelitian ini juga turut disokong oleh Rutter (2007) yang mengemukakan pemerhatiannya bahawa masyarakat pribumi di Borneo Utara, yang masih mengamalkan, antaranya, kepercayaan animisme, tradisi pemotongan kepala, keagamaan dan *folklore* serta bahasa.

Selain daripada kajian di atas terdapat banyak kajian lain tentang pemikiran dan amalan budaya berkaitan hubungan manusia dengan tuhan melalui kepercayaan adanya kuasa yang mengatur alam. Antaranya ialah kajian oleh Sopudin (2019), yang menyatakan bahawa hubungan manusia dengan tuhan mengalami pergeseran di antara kepercayaan terhadap Tuhan dan kepercayaan kepada roh halus,. Namun walaupun demikian, tujuan manusia mempercayai sesuatu masih berpaksikan kepada mencari kebenaran, mendapatkan pertolongan, kepasrahan dan menjurus kepada pembentukan individu yang menghindari kelakuan yang bertentangan dengan norma masyarakat. Kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat Palabuhanratu mencakupi hubungan dengan tuhan yang melibatkan ketaatan. Selaian daripada kajian ini, menurut Norisah Pirin (2017), antara penulis yang telah membuat kajian tentang masyarakat etnik Kadazandusun termasuklah F. G Whelan (1970), Arenawati (1978), Cyrill Alliston (1966) dan James P.Ongkili (1999). Kajian yang dijalankan oleh penulis-penulis tersebut telah meletakkan masyarakat Kadazandusun sebagai masyarakat yang kaya dengan amalan adat istiadat yang menjadi tunjang kepada kehidupan mereka.

Sementara itu, pada awal abad ke-21, naskah mengenai Kadazandusun di Sabah masih menjadi fokus untuk dijadikan sebagai kajian. Antara pengkaji tersebut ialah





Herman J.Luping (2009), Dayu Sansalu (2008), P.S.Shim (2007) dan Felix Tongkul (2007); dan Rita Lasimbang (2002). Sementara itu pada masa kini, kelompok sarjana dan pengkaji yang agak menonjol daripada suku etnik ini pada masa kini ialah Minah Sintian, Norjietta Julita Taisin, Rosliah Kiting, Henry Bating dan Low Kok On. Mereka merupakan pensyarah-pensyarah di universiti tempatan, memiliki pengetahuan mendalam tentang amalan budaya masyarakat Kadazandusun. Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji ini, setakat ini, lebih menumpukan kepada fenomena sosioekonomi, pendidikan dan kekeluargaan masyarakat Kadazandusun di Sabah, secara berfokus sahaja.

Kajian yang telah dilakukan oleh Minah Sintian (2019) melalui artikel bertajuk “*Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*” telah menilai kekuatan dan kelemahan sesebuah kolektif. Cerita rakyat digambarkan sebagai cerminan masyarakat tradisional mempunyai nilai-nilai luhur yang berfungsi sebagai pancaran sesuatu kolektif. Misalnya, melalui cerita mitos lahir kesan daripada pemerhatian kolektif terhadap kejadian unsur-unsur alam; baik kejadian manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan fenomena alam. Maka secara ringkasnya, cerita rakyat merupakan gambaran tentang masa silam yang sarat dengan gagasan dan idea seperti kepercayaan adanya kuasa yang mengatur alam dan menjaga keharmonian kehidupan manusia dengan alam.

Selain itu, konteks dan fungsi menuturkan “targon” (cerita rakyat) yang telah dikaji dalam penyelidikan ini membolehkan pembaca dan pengkaji memahami situasi sebenarnya, sebab-musabab dan peranan amalan budaya menuturkan “targon” (cerita rakyat) wujud dalam kalangan suku Kimaragang. Maklumat sedemikian amat mustahak





bagi khalayak umum memahami konteks kegiatan menuturkan “tangon-tangon” yang tepat. Kesan menuturkan “tangon” (cerita rakyat) yang telah ditonjolkan dalam penyelidikan ini nanti turut menyedarkan khalayak umum bahawa fungsi “tangon” (cerita rakyat) bukan hanya terhad ungkapan semata-mata tetapi boleh digunakan dalam aspek yang lebih kompleks seperti memberi kesedaran, mendidik secara tidak langsung, saluran komunikasi, menolak sesuatu secara sopan, memperaktif tingkah laku yang diterima masyarakat dan sebagai wahana pewarisan adat budaya etnik

Kimaragang. Kajian yang telah dilakukan oleh sarjana tempatan seperti Norjietta Julita Taisin (2015), Minah Sintian (2014) dan Low Kok On (2003) telah sedikit sebanyak menggambarkan bahawa tradisi lisan dalam masyarakat lingkungan etnik ini sememangnya dapat mempengaruhi corak kehidupan suku kaum ini pada masa kini. Secara amanya mereka sependapat dan menyatakan karya-karya sastera memaparkan perutusan, amanat serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Sesebuah karya itu adalah hasil cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keperihatinannya tentang apa yang diamati dalam masyarakat. Apabila seseorang itu mengkaji sesebuah karya, sebenarnya sama ada secara langsung atau tidak langsung, pengkaji akan mengkaji aspek pemikirannya, terutama hubungan pemikiran dan kepercayaan.

Berdasarkan hakikat yang dinyatakan di atas, kajian ini dijalankan bagi meneliti pemikiran dan amalan budaya masyarakat etnik Kimaragang dengan menganalisis cerita –cerita rakyat yang menjadi milik masyarakat tersebut. Kewujudan “tangon” (cerita rakyat) dalam etnik ini seiring dengan perkembangan ilmu pendidikan pada masa itu. Terdapat kalangan ahli masyarakat ini telah didedahkan dengan bahan-bahan bacaan dari luar. Begitu juga hasil pergaulan dengan masyarakat luar telah



mendedahkan mereka dengan cerita-cerita lisan, maka "tangon-tangon" itu sebilangan kecil telah diceritakan semula dalam kalangan ahlinya dengan secara tokok tambah, sesuai dengan corak kehidupan dan tahap pemikiran masyarakat pada waktu itu, iaitu "tangon" (cerita rakyat) diperdengarkan sebagai suatu bentuk hiburan semata-mata. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan agar dapat mengangkat darjat di samping memperkenalkan budaya bagi masyarakat tersebut bukan sahaja untuk tatapan khalayak di Malaysia bahkan di negara lain sama ada di Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei Darusalam.

Pengkaji berpendapat bahawa ada sesuatu yang istimewa di sebalik karya cerita-cerita rakyat dipilih untuk kajian yang dijalankan. Keistimewaan dan kehebatan itulah yang diterokai sebagai hasil kajian yang dapat dikongsi bersama. Ringkasnya, kajian ini menunjukkan implikasinya terhadap kepercayaan dan budaya serta pemikiran suku kaum ini akan dapat diketengahkan kepada umum. Pemikiran-pemikiran mereka juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat luar dan khasnya kepada masyarakat Kimaragang itu sendiri.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian yang dilakukan terhadap sastera lisan melibatkan etnik di Sabah masih kurang dilakukan. Hal ini kerana terdapatnya beberapa pandangan yang berunsur negatif terhadap genre sastera lisan tersebut. Menurut Norazimah Zakaria et.al (2019, ms.80), pada masa kini mitos (cerita rakyat) dianggap sebagai dongeng dan ceritanya penuh pembohongan, tahyul serta tidak masuk akal. Maka karya sastera tradisional dianggap



tidak lagi relevan untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran generasi pada masa kini. Selain itu, signifikan unsur pemikiran yang terkandung dalam “tangon” (cerita rakyat) masih diragui dan diperlekeh oleh sesetengah golongan kerana beranggapan “tangon-tangon” (cerita rakyat) hanyalah suatu yang lapuk dan kuno. Oleh hal yang demikian lahir rasa ketidakpastian dan ketidakyakinan terhadap kepentingan “tangon-tangon” pada masa kini. Maka tidaklah menghairankan jika pada hari ini sebilangan besar ahli masyarakat etnik Kimaragang hampir-hampir lupa akan kewujudan cerita rakyat (“tangon”) yang dimiliki oleh suku tersebut, apatah lagi mengambil kesah elemen pemikiran atau budaya yang terkandung di dalamnya. Dewasa ini, hanya sebilangan kecil golongan tua yang masih berpegang kepada keyakinan bahawa aspek budaya dan pemikiran dalam “tangon” boleh menjadi panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Tidak hairanlah jika mereka mampu menghafal beberapa buah “tangon” (cerita rakyat). Namun malangnya golongan ini semakin berkurangan.

Kerisauan di atas pernah disentuh oleh Raymond Boing Tombung (1994) dan Norjietta, (2015), bahawa tumpuan sarjana terhadap hasil khazanah warisan suku dahulu kala tidak begitu banyak dan meluas berbanding kajian-kajian dalam bidang budaya kontemporari. Sekalipun hasil khazanah warisan suku ini dianggap sebagai khazanah yang bernilai, dan merupakan citra budaya suku ini, namun masyarakat masa kini dan akan datang kurang mengambil manfaat atau menghargainya. Hal ini terjadi kerana kurangnya pendedahan ilmiah berkaitan budaya dan inti pemikiran yang terkandung dalam “tangon” (cerita rakyat) etnik Kimaragang itu sendiri, baik dalam kalangan masyarakat Sabah, tetapi juga dalam masyarakat suku Kimaragang itu sendiri.





Jika benar, “tangon” (cerita rakyat) tidak lagi dapat memainkan fungsinya pada hari ini kerana unsur pemikiran yang terkandung di dalamnya hanya sesuai dalam zaman cerita-cerita itu dilahirkan, dan hanya berfungsi dalam masyarakat penghasil karya sastra rakyat selaku karya, sebagai mana pendapat Umar Junus (1986 dan 1996) iaitu sastra lisan mempunyai logik tersendiri namun mungkin tidak sesuai dengan logik umum, ialah sesuatu yang menyedihkan. Tanggapan ini benar jika melihat kepada kenyataan Umar Junus, bahawa citra sesuatu masyarakat itu bergantung kepada interpretasi, dalam erti kata lain, karya sastra bukanlah dokumen autentik untuk melihat keadaan sosiobudaya tertentu. Dunia primitif hanya merakamkan seberapa banyak aspek budaya dan amalan mereka untuk diserapkan ke dalam cerita rakyat untuk memenuhi fungsi masyarakat tersebut. Pemikiran yang sebeginilah barangkali yang berjaya meresap ke dalam minda generasi kini sehingga merubah secara keseluruhan cara mereka berfikir. Secara mudah, minat golongan muda tidak lagi kepada ”tangon-tangon” yang mereka anggap suatu khayalan apatah lagi cuba menerokai inti budaya dan pemikiran yang tersurat dan tersurat di dalamnya.

Dalam hal ini, Raymond Boin Tombung (1994, ms.3) berpendapat bahawa jika diteliti, orang tua-tua yang masih hidup sebenarnya ialah aset khazanah budaya yang penting sebelum mereka meninggal dunia dan dibawa pergi bersama mereka khazanah lisan yang berharga buat selama-lamanya. Kehilangan sedemikian adalah kehilangan yang tragik dan berkekalan; ia tidak akan dapat hidup kembali. Dalam konteks ini, Raymond Boin Tambong mencatatkan bahawa yang hilang dan tidak tertulis akan tercicir daripada kenangan dan identiti bangsa buat selama-lamanya.





Di sebalik kerancangan perkembangan sastera moden di Malaysia bilangan kajian bidang sastera tradisional kurang jika dibandingkan dengan bidang sastera lain seperti novel, cerpen dan puisi. Sedangkan fungsi dan kesan amalan budaya masyarakat melalui sastera lisan sesuatu etnik itu berupaya memperteguh keyakinan dan sifat menghargai akan warisan tradisi ini, kerana setiap amalan yang mengandung makna tersurat atau tersirat ada hubung kaitnya dengan kehidupan, terutama kepercayaan yang membentuk pemikiran baharu.

Merujuk kepada sejumlah kajian lepas yang diteliti, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan amalan masyarakat Kimaragang kurang dilakukan. Begitu juga berkaitan “tangon-tangon” (cerita rakyat) masyarakat Kimaragang masih belum dikaji secara menyeluruh terutama hubungan pemikiran dan kepercayaan, hubungan pemikiran dan alam serta pembentukan peralatan dan medium hiburan yang dikaitkan dengan pengaruh alam sekitar.

Selain itu, kajian-kajian lepas juga dilihat masih kurang secara komprehensif menggunakan teori pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan alamiah, khasnya cerita-cerita rakyat yang melibatkan masyarakat lain. Antara kajian itu ialah Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd. Firdaus Che Yaacob (2023) dalam kajiannya yang bertajuk Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat, Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifuddin Yusop (2015) dalam artikel jurnal yang berjudul “*Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*”; Sukmana (2017) melalui artikel jurnal yang bertajuk “*Aspek Sosial Budaya dalam Cerita Rakyat Enyeng di Desa Cipancar, Indonesia*”; Maslin Jukin (2014), dalam kertas kerjanya bertajuk “*Folklor*



Brunei Sebagai Entiti Folklor Borneo”; dan Mohd. Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dalam artikel jurnal bertajuk “*Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Melalui Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*”.

Pemikiran dan amalan masyarakat yang diungkapkan dalam karya cerita rakyat adalah amat menarik untuk dikaji berlandaskan teori pengkaedahan Melayu. Hal ini disebabkan” tangon” (cerita rakyat) diyakini merupakan dokumen awal yang menyimpan khazanah budaya yang kurang ditonjolkan dan diterokai secara mendalam, terutama oleh golongan muda. Sedangkan sastera lisan seperti cerita rakyat menyimpan sejumlah gagasan penting yang boleh dijadikan pedoman hasil kebijaksanaan golongan terdahulu. Hal ini seperti yang disentuh oleh Farra Humairah (2018, ms.6), yang menyatakan bahawa pemikiran merupakan pusat utama yang dapat dilihat melalui gagasan seseorang pengarang dalam menyampaikan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya.

Kurangnya kajian terhadap “tangon-tangon” membayangkan aspek pemikiran dalam cerita tersebut kurang diperhatikan. Sedangkan, “tangon-tangon” juga merupakan gambaran tentang pemikiran dan kepercayaan serta amalan masyarakat terdahulu. Pernyataan tersebut selaras dengan pendapat A. Rahman Kaeh (1977:52) yang mengatakan, selain terdapat tanggapan negatif mengenai bidang sastera oleh masyarakat, pada dasarnya sastera tradisional sendiri merupakan suatu bidang yang agak merumitkan dan menuntut ketabahan seseorang pengkaji.

Maka, bertolak kepada masalah dan pendapat para sarjana tentang cerita rakyat, kajian ini telah dilakukan bagi merungkai pemikiran tentang amalan, kepercayaan dan pemikiran yang terdapat dalam teks-teks Tangon Kimaragang (TK) yang diperoleh daripada masyarakat pendukungnya. Dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu agar dapat memberi sumbangan ke arah mengubah persepsi dan mentaliti masyarakat supaya memilih sastera lisan yang banyak memberi pengajaran di samping menggalakkan pendengar atau pembaca untuk berfikir bagi memahami kandungan cerita rakyat tersebut. Di samping itu secara tidak langsung, melalui kajian ini dapat mengangkat budaya suku Kimaragang ke pentas kebudayaan nasional.

1.4 Objektif Kajian

- I. Menenal pasti aspek pemikiran dan amalan masyarakat yang terkandung dalam “tangon” (cerita rakyat) etnik Kimaragang di Sabah
- II. Menganalisis hubungan pemikiran, kepercayaan dan amalan masyarakat dalam “tangon” (cerita rakyat) etnik Kimaragang menerusi pengkaedahan alamiah
- III. Menganalisis perkaitan alam sekitar dalam penciptaan peralatan dan keperluan hidup harian masyarakat Kimaragang.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

- I. Apakah aspek-aspek pemikiran dan amalan masyarakat dalam “tangon-tangon” etnik Kimaragang di Sabah?
- II. Bagaimanakah hubungan pemikiran, kepercayaan dan amalan masyarakat dalam “tangon-tangon” etnik Kimaragang berdasarkan Pengkaedahan Alamiah?
- III. Sejauh manakah perkaitan alam sekitar dalam penciptaan peralatan dan keperluan hidup harian masyarakat Kimaragang?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan bertitik tolak daripada permasalahan berkaitan dengan pemaknaan terhadap amalan masyarakat, kepercayaan dan pemikiran dalam karya tradisi lisan, khususnya “tangon-tangon” (cerita rakyat). Selain itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk menganalisis pemikiran dan memperlihatkan rumusan inti pemikiran dan kepercayaan yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat suku Kimaragang sebagai suatu yang berharga dan boleh diterima umum. Maka, kajian ini perlu dijalankan untuk beberapa kepentingan berikut:

1.6.1 Kepentingan Kepada Individu Dan Penerbit

Kajian ini penting untuk melihat aspek-aspek pemikiran yang cuba diketengahkan menerusi cerita-cerita rakyat yang dituturkan oleh ahli masyarakat tersebut bagi memberikan gambaran aspek budaya dan amalan serta perkembangan tradisi lisan tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian ini secara tidak langsung memberikan nilai

tambah dan pengetahuan tentang corak kehidupan, adat resam dan kelangsungan hidup suku ini pada masa dahulu. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menyampaikan secara tersurat dan tersirat tentang nilai dan pengajaran yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat yang dijadikan sampel kajian. Oleh itu, pemaknaan dan penetapan tafsiran kepada aspek-aspek pemikiran yang terdapat dalam TK memudahkan golongan penulis dan penerbit memahami dan menghayatinya.

Dalam erti kata lain, kajian ini diharap dapat membuka perspektif baharu kepada para penggiat sastera sama ada sastera lisan mahu pun sastera moden, agar memberi perhatian terhadap kepentingan Tangon Kimarangang (TK) untuk diselitkan dalam penulisan kreatif mereka. Juga dengan harapan karya-karya sastera lisan ini boleh diberi nafas baharu dalam penghasilan karya-karya kreatif mereka. Seterusnya, karya-karya tersebut diterbitkan. Selain itu, buku-buku yang diterbitkan itu juga diperkatakan dalam seminar-seminar juga dalam program-program kebudayaan di semua peringkat.

1.6.2 Kepentingan kepada Masyarakat

Melalui dapatan kajian ini masyarakat akan mendapat sedikit gambaran tentang ilmu kesusasteraan tradisional khususnya tentang cerita-cerita rakyat yang pada awalnya hanya menggunakan sumber medium lisan. Masyarakat akan lebih menghargai keunikan kehidupan masyarakat suku Kimaragang. Masyarakat sedar bahawa warisan lisan tradisi ini tidak pernah lapuk ditelan zaman. Kajian ini juga penting untuk masyarakat menilai, menghakimi dan membandingbezakan dengan amalan masyarakat



lain. Akhirnya, masyarakat mengambil kesimpulan bahawa kewujudan sesebuah masyarakat itu dipengaruhi oleh corak pemikiran yang diwarisi secara turun-temurun serta terdapatnya usaha golongan tertentu untuk mengembangkannya.

1.6.3 Institusi

Kajian ini turut memberikan impak terhadap institusi terutamanya pihak universiti sekiranya kajian ini berjaya dilaksanakan. Hasil kajian ini akan menjadi panduan atau sebagai rujukan kepada para pengkaji yang seterusnya dalam usaha memartabatkan bidang sastera lisan yang bersifat tradisional.



1.6.4 Negara

Kajian ini berupaya memberikan dampak terhadap negara apabila penulisan dan bahan hasil kajian ini dibaca oleh pengkaji-pengkaji luar. Hal yang demikian itu disebabkan kajian ini merupakan satu bentuk rakaman warisan silam dan khazanah warisan bangsa menerusi perincian lambang budaya seperti adat resam dan pemikiran yang menjadi pegangan dan kepercayaan suku bangsa tersebut. Kesalahfahaman dan pengetahuan tentang amalan sesuatu masyarakat akan mewujudkan rasa hormat-menghormati, keharmonian dan kebersamaan. Hal ini apabila terbentuk akan melahirkan kesejahteraan, integrasi nasional bertambah kukuh dan menjadi kebanggaan negara apabila diperkatakan oleh masyarakat luar negara.





1.6.5 Menambah Ilmu Pengetahuan

Hasil kajian ini dapat menambah ilmu pengetahuan tentang kesusasteraan dan kebudayaan negara khususnya sastera rakyat kepada pembaca dalam kalangan masyarakat sama ada peringkat kanak-kanak hingga golongan dewasa. Pembaca juga dapat mengenali sastera lisan etnik Kimaragang yang bercorak tradisional. Seterusnya, menerusi kajian ini juga masyarakat luar lebih mengenali tokoh-tokoh setempat daripada kalangan etnik di Sabah.

1.6.6 Menambah Bilangan Kajian

Kajian ini penting disebabkan dapat menambah bilangan kajian tentang budaya-budaya daripada sub etnik Kadazandusun. Setakat ini bilangan kajian ilmiah tentang budaya suku Kimaragang secara khusus yang dikaitkan dengan tradisi lisan kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini ialah satu usaha awal ke arah memperbanyakkan hasil kajian yang bersifat ilmiah.

1.6.7 Menggalakkan Penerbitan Buku Etnik

Sudah menjadi amalan yang biasa, hasil sesuatu kajian akademik khususnya di peringkat sarjana dan kedoktoran akan ditulis semula dalam bentuk buku. Dengan itu koleksi bahan penerbitan untuk bacaan umum akan bertambah. Diharapkan kajian ini





juga bakal memberikan sumbangan ke arah merancakkan penerbitan buku akademik yang berasaskan etnik di peringkat negara.

1.6.8 Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (TPM)

Kajian ini mengaplikasikan teori TPM janaan Hashim Awang (2002). Antara justifikasi pemilihan teori ini ialah teori ini melibatkan interaksi masyarakat dengan alam persekitarannya. Dalam teori ini terdapat beberapa cara masyarakat berinteraksi misalnya bagaimana alam memberi pengalaman secara langsung atau tidak langsung. Melalui pengalaman tersebut watak-watak dapat mematangkan diri dari segi tindakan dan fikiran. Melalui kematangan fikiran dan tingkah laku positif ini mereka bijak memanfaatkan sumber-sumber alam bagi kehidupan mereka. Menerusi teori ini juga menjadikan alam sebagai wadah kehidupan yang membentuk masyarakat yang berperanan melestari alam dan membentuk masyarakat secara positif melalui kepercayaan dan keyakinan yang menjadi pegangan mereka.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini telah menganalisis Tangon Kimaragang (TK) yang popular dan tersebar luas dalam kalangan masyarakat di Sabah. Namun kajian ini hanya menumpukan analisis terhadap 30 buah “tangon” yang dimiliki oleh suku kaum Kimaragang di mukim Tandek dalam daerah Kota Marudu. Tangon Kimaragang (TK) telah diperoleh daripada informan daripada suku Kimaragang melalui penceritaan semula oleh golongan muda,



berdasarkan ingatan, pemahaman dan kebijaksanaan bercerita. Untuk tujuan ini pengkaji telah menemu bual beberapa orang informan terpilih. Jumlah informan yang ditemu bual dalam sesebuah kampung dihadkan kepada mereka yang mempunyai maklumat tentang “Tangon Kimaragang” sahaja. Terdapat kampung seperti Kampung Salimandut, Kampung Longob dan Kampung Batition yang hanya mempunyai seorang informan sahaja. Manakala kampung yang mempunyai banyak informan seperti Kampung Togomongis (dua orang informan), Kampung Longob (seorang informan). Dengan kata lain, setiap kampung mempunyai informan yang berbeza.

Seterusnya membuat analisis ke atas “tangon-tangon” berkaitan pemikiran dan kepercayaan yang mencakupi aspek amalan yang menjadi pegangan masyarakat Kimaragang serta yang berkait langsung dengan hubungan dalam masyarakat, asalusul, pengaruh alam sekitar, budaya setempat masyarakat suku Kimaragang dan status ekonomi masyarakat. Namun begitu, kajian ini hanya melihat pemikiran, kepercayaan dan amalan masyarakat serta perkaitan antara alam sekitar dengan penciptaan peralatan dan medium hiburan, peralatan sokongan keperluan hidup masyarakat menerusi perilaku watak-watak dalam “tangon”. Malah, melalui penggunaan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan alamiah dapat dilihat bagaimana mereka amat bergantung kepada alam sebagai wadah kehidupan selain dapat mengukuhkan kepercayaan dan amalan-amalan yang menjadi pegangan mereka. Pemikiran yang menjadi fokus ialah pemikiran tentang alam, nilai-nilai budi dan pengajaran serta kebijakan yang digambarkan oleh watak-watak “tangon”. Sementara kepercayaan melibatkan keyakinan adanya kuasa yang mencipta alam, alam ghaib dan amalanamalan masyarakat yang membentuk kehidupan mereka ke arah lebih baik. Hal



seterusnya yang menjadi fokus kajian ialah perkaitan alam sekitar dengan penciptaan peralatan-peralatan yang dapat membantu kehidupan sehari-harian.

1.8 Lokasi Kajian

Kajian penyelidikan ini dijalankan di sekitar Tandek, Kota Marudu. Dalam kajian ini, Tandek merupakan sebuah pekan kecil dalam daerah Kota Marudu. Pada tanggapan umum masyarakat ini, apabila disebut “Tandek” bererti mereka berasal di mana-mana dari kampung dalam lingkungan daerah kecil Tandek. Daerah kecil ini terdiri daripada beberapa buah kampung iaitu Kampung Tondig, Kampung Tingkalanon, Kampung Marion, Kampung Batition, Kampung Nolotan, Kampung Salimandut, Kampung Longob, Kampung Masolong dan Kampung Damai serta beberapa buah lagi kampung. Jarak purata kampung-kampung ini dari pekan terdekat ialah 10 kilometer.

Kampung-kampung tersebut dihuni oleh suku Kimaragang yang majoritinya mempunyai hubungan darah kekeluargaan dan sebahagian besarnya saling kenalmengenal di antara satu sama yang lain. Dikatakan bahawa hubungan darah kekeluargaan ini berdasarkan *sakag* (keturunan) daripada Aki Tumunda, iaitu seorang tokoh penting bagi suku ini suatu masa dulu (Manuel Damilan, 2017, ms.1-10) Memandangkan Aki Tumunda meninggalkan legasi yang penting dalam bidang perdagangan dan kepahlawanan, maka tokoh ini dianggap orang tersohor atau “panglima” bagi suku ini. Rentetan daripada itu tertubuhlah sebuah persatuan yang tidak rasmi iaitu “Persatuan Sakag Aki Tumunda (PSAT).” Biasanya, ahli keluarga besar ini akan mengadakan kenduri besar-besaran pada setiap tahun dan setiap ahli





(keturunan) memainkan peranan masing-masing. Tujuan kenduri besar itu bertujuan menyatukan suku-sakat Aki Tumunda (AT). Oleh hal yang demikian, masyarakat Kimaragang yang hampir didominasi oleh *sakag* ini, saling mengenali antara satu dengan yang lain.

Ramai ahli masyarakat suku Kimaragang bekerja sebagai petani. Setiap ketua ahli keluarga suku ini sekurang-kurangnya memiliki dua ekar tanah, dan telah diusahakan tanaman padi atau tanaman lain seperti pokok getah ataupun kelapa sawit. Dewasa ini, hampir 30 peratus daripada mereka bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, di universiti, di jabatan swasta dan berniaga secara kecil-kecilan. Selain itu, sesuai dengan perkembangan semasa, hampir 90 peratus ahli masyarakat ini mendapat pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat menengah rendah.



Majoriti penduduk di mukim ini berpendapat bahawa mereka perlu berusaha lebih gigih untuk mengubah corak kehidupan mereka dengan mempertingkatkan taraf ekonomi dan mengubah cara berfikir mereka untuk lebih bersedia menghadapi kehidupan yang moden dan terus mencabar.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu (TPM). Teori Pengkeedahan Melayu termasuk dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau “teori beralas atau teori berlandas” yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif; dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip





umum tentang karya atau teks sastra dan amalan-amalan yang berkaitan dengan Kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 2003, hlm:1). Teori Pengkaedahan Melayu tidak terbentuk daripada kekosongan tetapi berlandaskan kepada kenyataan hidup dan agama serta bangsa Melayu seterusnya sifat penciptaan bangsa Melayu. Dalam hal ini, menurut Mana Sikana (1991), teori ini merupakan satu pendekatan sastra Melayu yang bertunjangkan daya kreatif, penghasilan karya sastra yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi orang Melayu. Kaedah ini jelas berasaskan sikap hidup, kepercayaan dan berteraskan pegangan hidup. Teori ini juga berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat masyarakat Melayu (dalam konteks kajian ini suku Kimaragang di Sabah) yang melahirkan karyanya sendiri.



untuk mengkaji hal-hal alam Melayu sahaja seperti yang digambarkan oleh namanya. Tetapi, teori ini boleh diguna pakai dalam mana-mana kajian bidang sastra, dan dalam konteks kajian ini sastra lisan iaitu cerita rakyat, Tangon Kimaragang (TK). Lagi pula untuk menjadikan teori ini lebih universal dan diterima umum pendekatan teori ini perlu digunakan dalam kajian di luar lingkungan alam Melayu itu sendiri. Selain bertujuan untuk mengangkat teori daripada sarjana tempatan. Pengaplikasian pengkaedahan alamiah yang menjadi sebahagian daripada teori tersebut, amat bersesuaian dengan latar belakang masyarakat Kimaragang, yang telah tumbuh dan berkembang di persekitaran alam sebagaimana yang dialami oleh masyarakat Melayu.



1.10 Definisi Istilah, Konsep dan Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu difahami. Hal ini bertujuan untuk memudahkan kajian ke atas pernyataan masalah berdasarkan judul yang menjadi pilihan. Dalam sesuatu kajian, definisi istilah adalah amat signifikan untuk menyediakan ruang pemahaman yang mendalam terhadap kajian yang dijalankan.

Penjelasan istilah dan konsep-konsep tersebut adalah berikut:

1.10.1 Pemikiran

Perkataan pemikiran berasal dari kata dasar 'fikir' yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) memberi takrifan perkataan pemikiran sebagai perihal berfikir. Sementara Mohd. Yusof Hasan (2007, ms.1) mendefinisikan pemikiran sebagai kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan. Sementara Kuper (2007), menerangkan *Mind* (fikiran) berasal daripada bahasa Teutonic kuno, iaitu *Gamundi* yang bererti berfikir, mengingat, bermaksud (*intend*). Oleh itu, berdasarkan maksud asal kata itu, pemikiran boleh ditakrifkan sebagai timbunan pelbagai persepsi dan proses penyusunan idea dengan teratur, mencari hubungan serta membuat sesuatu kesimpulan. Pemikiran melibatkan perolehan, manipulasi dan pertukaran simbol dan idea.

Pemikiran boleh ditakrifkan juga sebagai keupayaan seseorang menjana akal atau mental bagi menghasilkan sesuatu idea atau keputusan. Menurut Azmi Rahman (2010) pemikiran tidak dapat diberikan makna konkrit. Manakala Edward de Bono



menyatakan bahawa pemikiran adalah kebijaksanaan atau kecerdasan manusia. Manakala Mohd Yusof Hasan (2007:33), pemikiran ialah suatu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia dengan mengenali Tuhan dalam kehidupan untuk menyelesaikan masalah serta dapat membuat keputusan demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia.

Dalam konteks kajian ini, pemikiran merujuk kepada gambaran atau kemampuan watak-watak dalam “tangan” melahirkan idea-idea dan nilai-nilai pemikiran yang boleh diteladani. Aspek pemikiran tersebut juga digambarkan menerusi cerita dan persoalan yang dibangkitkan dan mesej yang ingin disampaikan sama ada secara tersurat atau tersirat.



1.10.2 Masyarakat

Masyarakat menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) ialah sekumpulan manusia hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan kecil merupakan anggota sesebuah masyarakat. Dalam kajian ini, masyarakat yang dimaksudkan ialah masyarakat tradisi etnik Kimaragang seperti yang digambarkan dalam tangan-tangan etnik Kimaragang. Walau bagaimanapun, sebagai nilai tambah kepada kajian, hal-hal masyarakat pada masa kini turut diperkatakan sebagai menyokong analisis data serta untuk tujuan membandingkan amalan-amalan yang terdapat di dalamnya. Selain daripada itu, untuk tujuan melihat perkembangan masyarakat itu sendiri dari segi kepercayaan, amalan dan pemikiran.



1.10.3 Amalan

Perkataan amalan terbentuk daripada gabungan perkataan ‘amal’ dan imbuhan ‘-an’. Perkataan ‘amal’ mempunyai beberapa maksud yang kebanyakannya bersifat positif. Antara maksud amal ialah: 1. buah daripada ilmu dan ikhlas. Maka ilmu yang sahlah akan sentiasa berkurang dan terbatas selama mana ia tidak menolak tuannya ke arah bekerja yang positif dan membina; 2. apa sahaja yang dilakukan, perbuatan dan pekerjaan (Kamus Perdana Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023).

Apabila perkataan ‘amal’ digabungkan dengan imbuhan ‘an’, perkataan tersebut menjadi ‘amalan’ dan berubah menjadi kata nama. Antara maksud ‘amalan’ ialah 1. sesuatu yang dilaksanakan (dikerjakan) sebagai suatu kebiasaan; 2. perbuatan baik dan kebajikan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016).

Bagi tujuan kajian ini, perkataan amalan bermaksud perbuatan atau tata kelakuan masyarakat yang berbentuk perbuatan sehari-harian, cara bertindak dalam menyelesaikan sesuatu dan amalan yang menjurus kepada kepercayaan. ‘Amalan’ yang terkait dengan kajian ini merupakan gambaran pemikiran atau idea oleh watak-watak dalam “tongon” (cerita rakyat) yang dihasilkan. Melalui amalan yang berasaskan kepada pemikiran dan kepercayaan akan memberi manfaat atau kebaikan kepada diri sendiri, orang lain atau masyarakat. Amalan-amalan yang positif atau negatif juga boleh memberikan pengajaran, nasihat, dorongan, kesedaran dan peringatan kepada masyarakat yang boleh meningkatkan kemajuan hidup dan bidang-bidang kehidupan lain yang lebih luas.



1.10.4 “*Tangon-tangon*” (cerita rakyat)

Daripada segi takrifan bahasa perkataan “tangon-tangon” merujuk kepada “*susuyan gulu-gulu*” atau bermaksud “cerita dulu-dulu”, (Galus dan Low, 2016); Minah Sintian, 2014). Tafsiran perkataan “tangon” dalam suku Kimaragang disebut juga sebagai “tuturan dang gulu-gulu.” (*Welin, 57 tahun*). Untuk tafsiran yang lebih umum, dapatan kajian Pugh-Kitingan (2012:147) telah mentafsirkan “tangon” sebagai cerita rakyat atau cerita dogeng. Pengkaji ini menambah bahawa “tangon” merupakan cerita rekaan yang dicipta sebagai satu bentuk sumber hiburan dan menyalurkan nilai-nilai moral kepada kanak-kanak sejak zaman dahulu. Cerita rakyat merupakan tradisi lisan yang amat popular. Istilah tradisi lisan juga disebut sebagai *folklore* untuk tujuan kajian bidang ini terutama di Indonesia.



Sementara Mana Sikana (2010, ms.42) menyatakan bahawa cerita rakyat atau lebih jelas sastera rakyat ialah nama lain yang diberikan khas kepada hasil karya sastera yang diilhamkan oleh seseorang individu suatu ketika dahulu dalam masyarakat yang hidup dalam budaya persekitaran yang diciptakan sendiri oleh komuniti masyarakatnya.

Sastera rakyat sebenarnya merujuk istilah yang disejajarkan daripada perkataan Inggeris *folk tales* atau mengikut istilah Alan Dundes (1965:2-3) *folklore*. Perkataan *folk* membawa erti masyarakat manakala *lore* membawa maksud hasil daripada kegiatan yang dikerjakan oleh masyarakat. (Roslina Abu Bakar, (2013:44) Oleh itu, *folklore* adalah suatu istilah yang diadaptasi untuk menyebut istilah cerita rakyat (Dewi Rukmini, 2009) Cerita rakyat diwariskan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya dalam masyarakat tertentu, tradisi lisan ini hampir sering



disamakan dengan *folklore*, kerana di dalamnya mencakupi tradisi lisan (Endraswara, 2005:3)

Menurut Bernard (2011), sesebuah cerita ialah naratif, atau memberitahu tentang sesuatu peristiwa sesebuah peristiwa yang direka untuk menarik minat audiens sama ada pembaca, pendengar atau penontonnya. Dalam hal ini, sesetengah cerita mempunyai faktanya dalam kehidupan manusia, namun terdapat juga cerita yang hanya direka semata-mata sebagai hiburan. Sementara itu, Fatimah Mohd Yassin (1990, ms.79) dan Harun Mat Piah et.al. (2006, ms.85) telah merumuskan bahawa cerita rakyat (sastera rakyat) ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan.

Selain itu, menurut Siti Fatiemah Sa'at dan Jama'yah Zakaria (2013:83), cerita rakyat merupakan sebuah genre sastera yang diperturunkan secara lisan iaitu dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Amalan dan kegiatan ini menjadi satu warisan yang wujud ketika zaman nenek moyang kita pada zaman dulu lagi.

1.11 Kesimpulan

Berdasarkan persoalan kajian dan konsep teori kajian yang digunakan kemudian disokong oleh sorotan-sorotan kajian, pengkaji percaya kajian ini dalam landasan betul untuk mengkaji lebih dalam berkaitan pemikiran dan amalan masyarakat menerusi “tangan-tangan” etnik Kimaragang. Berdasarkan takrifan-takrifan operasi, dapat dikatakan bahawa pemikiran merupakan satu kegiatan dan proses penggunaan akal bagi



pelbagai tujuan dalam kehidupan. Pemikiran adalah suatu proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap sesuatu keraguan atau masalah yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara, membuat pertimbangan dan keputusan serta refleksi yang logika dan munasabah terhadap proses yang dialami. Pemikiran-pemikiran akan wujud apabila terdapatnya masalah. Sementara pemikiran baharu muncul apabila terdapat idea baharu bagi menyelesaikan masalah tersebut. Pemikiran baharu akan muncul berdasarkan pengalaman-pengalaman dengan alam, pengalaman mengamalkan sesuatu amalan yang baharu dalam masyarakat dan hasil interaksi dengan masyarakat lain.

